

January 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

7th
ISSUE

info kampus

UiTM SARAWAK BULLETIN



UiTM Transformation Program

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

Kursus Asas Komputer

Siri 5 dan Siri 6

Oleh: Mohamad Shalih bin Hj Salleh

InfoKampus
71st ISSUE

33

Kursus tersebut telah diadakan pada 3-4 September 2015 untuk Siri 5 dan 21-22 September 2015 bagi Siri 6. Program ini telah disertai oleh pelbagai staf gred jawatan dan berlangsung selama 2 hari di Makmal Komputer, Blok C, UiTM Sarawak, Kampus Samarahan 1. Penceramah bagi program ini adalah Puan Aniza Abu Bakar, Encik Mohd Noor Asraff bin Hamdi, Puan Aima Sumiyati Maliki dan Encik Mohd Farid Assamani Mohamed Zainon. Peserta bagi program ini didedahkan dengan peranti-peranti yang terdapat dalam sesebuah komputer seperti processor, RAM, IDE Cable, SATA Cable, Hard Disk dan lain-lain. Peserta juga telah diminta untuk meleraikan dan memasang semula semua peranti yang terdapat dalam komputer. Selain daripada itu, peserta juga telah diperkenalkan asas Microsoft Word 2010 memandangkan terdapat perbezaan penggunaan perisian Microsoft Word 2007 dan Microsoft Word 2010.

Bengkel Kursus dan Latihan

PENGENDALIAN PERALATAN MAKMAL FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM

Pada 2 hingga 5 November 2015, satu Bengkel Kursus dan Latihan Pengendalian Peralatan Makmal Fakulti Kejuruteraan Awam telah diadakan di Makmal Fakulti Kejuruteraan Awam Blok A & C, Kampus Samarahan 2. Di antara aktiviti yang dijalankan adalah perbincangan di antara fasilitator dan penolong jurutera. Setiap fasilitator menerangkan secara terperinci cara mengoperasikan peralatan makmal tersebut dengan betul. Selain itu juga, fasilitator dari kampus induk bertukar-tukar pendapat berkenaan cara menguruskan makmal dengan lebih sistematik dan teratur. Kursus ini sangat bermanfaat bagi menambahkan langkah keselamatan semasa mengendalikan peralatan serta menambah kemahiran teknikal penolong jurutera.



TEAM BUILDING STAF UiTM SARAWAK BIL.3 SIRI 2/2015

Team Building Staf UiTM Sarawak Bil. 3 Siri 2/2015 ini telah diadakan pada 19 Oktober 2015 sehingga 23 Oktober 2015 di Kem Belia Mukah. Program ini telah disertai seramai 40 orang peserta daripada pelbagai gred jawatan dan bahagian/unit termasuk kampus Mukah. Semua peserta yang berkampung di Kem Belia ini menjalani pelbagai aktiviti yang telah dirancang rapi bagi memastikan objektif program ini dicapai.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my